

PM Lancar Varieti Baharu Padi MR269 Lebih Berdaya Tahan Penyakit Bernama
24 November, 2012

SERDANG, 24 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini melancarkan varieti baharu padi MR269 yang merupakan varieti inbred biasa yang mempunyai ketahanan lebih baik terhadap penyakit karah daun dan perosak.

Baka baharu padi itu yang akan dapat meningkatkan pengeluaran padi negara, dilancarkan sempena perasmian Pameran Antarabangsa Pertanian, Hortikultur & Agro Pelancongan Malaysia (MAHA International 2012) dan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2012 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) di sini.

Selain itu, Najib juga melancarkan kilang khusus untuk padi wangi. Kilang yang dinaik taraf dari pengeluaran 500 kilogram beras wangi sehari kepada kilang mini komersial yang berkapasiti enam hingga lapan matrik tan sehari.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Noh Omar dan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) Datuk Dr Abd Shukor Abd Rahman.

Dalam satu kenyataan, Mardi berkata varieti MR269 merupakan baka baharu yang dibangunkan Mardi yang sesuai ditanam di pelbagai kawasan jelapang. Ia merupakan kacukan dua baka P347 dan Y1362 yang dilakukan pada musim utama 2000/2001 yang mempunyai umur matang sekitar 104 hingga 113 hari selepas tabur dan ketinggian pokok sekitar 76 hingga 88 cm.

MR269 mempunyai rintangan yang lebih baik terhadap penyakit karah daun, sederhana rintang kepada bena perang dan hawa daun bakteria serta penyakit merah virus. Purata hasil MR269 menunjukkan peningkatan sebanyak sembilan peratus berbanding MR219.

Hasil tertinggi yang dicatat MR269 adalah 9.9 tan sehektar berbanding 7.5 tan sehektar yang dicatat oleh MR219. Para petani dicadangkan menggunakan MR269 secara meluas agar pengeluaran padi dan beras negara dapat dipertingkatkan untuk mencapai sasaran tahap sara diri negara serta keperluan penggunaan dalam negara.

Sementara itu, Kilang Khusus Padi Wangi yang dibina khas untuk pengeluaran padi/beras wangi yang merupakan salah satu usaha Mardi melalui Entry Point Projek 9 (EPP9) di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) untuk mencapai sasaran pengeluaran beras wangi sebanyak 73,000 metrik tan setahun menjelang tahun 2020.

Terdapat beberapa buah kilang yang sama telah dibangunkan Mardi di beberapa stesen penyelidikan Mardi mengikut zon iaitu di Mardi Bukit Raya dan Seberang Perai (Zon Utara), MAEPS dan Kuala Linggi (Zon Tengah), Mardi Jeram Pasu dan Muadzam Shah (Zon Timur).

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=711241>